



Aktiviti 2

Baca cerita dan tulis nilai.

Pada musim cuti sekolah yang lalu, Amira bercuti di rumah sepupunya, Azlina. Rumah Azlina di Ipoh, Perak. Keluarga Azlina melayan Amira dengan mesranya.

Ibu bapa Azlina membawa Amira melawat ke Taman Rekreasi Gunung Lang. Semasa di taman rekreasi itu, keselamatan Amira sentiasa diutamakan.

"Wah, indahnyaa!" kata Amira. Kawasan itu mempunyai tasik, bukit batu kapur, dan pelbagai pokok bunga yang cantik. Amira amat mengagumi dan menghargai keindahan taman rekreasi itu.



menghormati ahli keluarga

menjaga keselamatan

menghargai alam sekitar

2.3.1 (ii)

BT : 122



Nota Guru

• Minta murid menulis nilai.

49